



No. Rujukan : UMS/PEN2.2/500-2/4/3
Tarikh : **06** April 2016

SENARAI EDARAN SEPERTI DALAM LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PELAWAAN BAGI PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kakitangan di bawah seliaan YBhg. Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan yang layak diperakukan untuk disahkan dalam perkhidmatan dengan syarat telah memenuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah dipelawa untuk memohon pengesahan dalam perkhidmatan.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah kali Ke - 65 [Bil. 2/ 2015] yang telah bersidang pada 17 Mac 2015 telah meluluskan pindaan syarat-syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan seperti yang dilampirkan bersama.

4. Sehubungan itu, mohon YBhg. Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan dapat memperakukan kakitangan di bawah seliaan YBhg. Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan untuk disahkan dalam jawatan masing-masing. Kerjasama YBhg. Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan juga dipohon untuk memaklumkan kepada Kakitangan Akademik supaya dapat menyediakan dan mengemukakan salinan maklumat seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat tersebut ke pejabat ini untuk tindakan selanjutnya. Borang Pengesahan dalam Perkhidmatan juga boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Pendaftar.

<http://www.ums.edu.my/pendaftar/v2/index.php/en/easy-access/borang-borang>

Sila maklum bahawa semua borang perakuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan [Borang Lampiran A] berserta lain-lain dokumen/maklumat yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan ke pejabat ini **pada atau sebelum 28 April 2016 (Khamis)**.

Sekian dan terima kasih.

Yang ikhlas,

JUNIEZAM JUKA

Ketua
Seksyen Perkhidmatan
Bahagian Sumber Manusia
b.p Pendaftar



No. Telefon : 088 320000 samb. 1003
No. Faks : 088 320047
Alamat e-mel : jj07@ums.edu.my

s.k - Pendaftar
- Ketua, Bahagian Sumber Manusia

